


MSC & CTSB NEWSLETTER

VOL. 12

Author: Nur Syafiqah Maarof
Editor: Siti Amira Aisyah

1. MESYUARAT KERJASAMA BERSAMA SYARIKAT KIWITECH SDN BHD DAN CYBERSOLUTION TECHNOLOGIES SDN BHD



2. SESI CABUT UNDI BAGI MEMBUAT PERSEMBAHAN ANNUAL DINNER

13/02/2024 (SELASA)



Satu perbincangan kerjasama Perniagaan dan Teknikal yang telah dijalankan bersama Syarikat Kiwitech Sdn Bhd dan Cybersolution Technologies Sdn Bhd.

Turut hadir beberapa pegawai dari syarikat Kiwitech dan wakil dari CTSB adalah En Ramlee, Pn Arina, Azwan Ahmad, Asrol dan Ikhwan.

Semoga perbincangan antara 2 syarikat ini dapat memberikan masa depan yang lebih cerah bagi peluang menembusi pasaran-pasaran yang lebih baik.

Sesi cabutan undian telah dijalankan oleh wakil wakil kumpulan yang telah di tetapkan untuk membuat persembahan di malam Annual Dinner MSC CTSB Family day.

Debaran serta suasana yang meriah menggambarkan situasi cabutan undian tersebut. Cabutan undian adalah bagi 10 wakil kumpulan.



3. PERBINCANGAN FUN WALK DAN SPORTS CLUB BERSAMA SEMUA STAFF CTSB DAN MSC

14/02/2024 (RABU)

Perjumpaan kali pertama dengan semua staff dalam memperkenalkan Sports Club dan committee yang ada. Asrol sebagai pengurus kelab memberikan penerangan berkaitan perancangan aktiviti yang akan dijalankan pada bulan Februari iaitu aktiviti 2.4km fun walk bersama CEO pada 22hb Februari 2024 pada jam 5 petang.

Selain itu, diteruskan dengan perancangan aktiviti bagi bulan Mac iaitu pada hari Family Day yang akan dijalankan pada 1 Mac 2024 sehingga 3 Mac 2024 di Rompin Pahang. Aktiviti berkaitan adalah CSR Beach Clean –up and Early Morning Activities – Beach Jogging.



Juga dalam persetujuan kesemua untuk mengumpulkan RM5 setiap staff dalam penganjuran aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan kelak termasuk CSR, Exercise Activities MSC dan CTSB. Inisiatif dan idea yang baik dicadangkan oleh staff CTSB dalam memberikan nilai tambah bagi aktiviti syarikat.

4. BASIC HEALTH SCREENING & MENTAL HEALTH TALK BY KPJ DATO' ONN

15/02/2024 (KHAMIS)

Atas inisiatif HR, program basic health screening daripada KPJ Dato' Onn telah dijalankan kepada staff. Ia dijalankan di The Gig Level 30, Menara MSC Cyberport.

Program percuma kepada staff untuk membuat semakan kesihatan tekanan darah, semakan glukos, BMI dan semakan kadar glukos dalam badan.

Program semakan kesihatan mula dijalankan pada pukul 9.30 pagi dan disambung dengan sesi 'Mental Health Talk' yang disampaikan oleh Dr Fareena.

Program yang baik dapat menarik minat staff dalam mementingkan dan menjaga kesihatan fizikal dan mental. Disamping dapat memberikan impak yang positif ke atas syarikat dengan produktiviti yang baik.



5. FUN WALK MSC CTSB

22/02/2024 (KHAMIS)

Inisiatif Kelab Sukan MSC CTSB dengan kerjasama HR, dengan jayanya telah menjalankan satu program Fun Walk. Program tersebut telah melibatkan keempat-empat branch CTSB. Berikut adalah senarai tempat yang telah dijalankan aktiviti Fun Walk tersebut yang telah bermula dari jam 5 petang sehingga 6 petang:

- Johor Bahru – Taman Merdeka, Johor Bahru
- Kuantan – Laman Teruntum
- Kuala Lumpur – Stadium Bukit Jalil
- Kuching – Sarawak State Library

Terima kasih diucapkan atas kerjasama semua staff CTSB dalam menjayakannya dan diharap dapat join bagi program dan aktiviti-aktiviti yang akan dirancangkan kemudian.

KEEP FIT AND STAY HEALTHY



6. SESI LATIHAN SISTEM EPBT MODUL SEWA PELBAGAI MAJLIS DAERAH TANGKAK

26/02/2024 (ISNIN)




Sesi latihan Modul Sewa Pelbagai telah dijalankan kepada Majlis Daerah Tangkak bertempat di Bilik Latihan Tingkat 8, MSC Cyberport pada 26hb Februari 2024. Latihan tersebut telah dijalankan bersama 2 pegawai CTSB iaitu Fozuyanis dan Zawanah, dan dihadiri oleh 3 orang pegawai MDT.



7. SPECIAL PREVIEW SESSION: CERTIFIED ESG INNOVATOR

26/02/2024 (ISNIN)

Team Cyberport Academy dengan kerjasama Digital Marketing telah bersama-sama menjayakan satu preview bagi Course Certified ESG Innovator (CESGI) yang telah dijalankan pada 26hb Februari 2024 secara atas talian. Seramai 50 orang yang telah mendaftar bagi sesi preview tersebut. Ia juga telah disertai oleh 8 orang pegawai Cybersolution iaitu Pn Arina, Azwan Ahmad, Ikhwan, Suhail, Habibah, Yuhanis, Fadhzillah dan Syafaizah.



8. BUSINESS MEETING WITH ENOTAKER TECHNOLOGY SDN BHD

27/02/2024 (SELASA)

Satu mesyuarat telah diadakan bersama pihak syarikat Enotaker Technology Sdn Bhd dan Cybersolution Technologies Sdn Bhd. Perbincangan yang berkenaan tengan kolaborasi perniagaan dan perkenalan platform yang bernama Rekatone yang telah dibangunkan oleh pihak Enotaker Technology Sdn Bhd.

9. INTER-DEPARTMENT BOWLING TOURNAMENT

29/02/2024 (KHAMIS)

Pertandingan Inter-department Bowling telah diadakan mengikut cawangan di negeri masing-masing bersama semua staff CTSB dan MSC Cyberport.

- Johor (HQ): Lite Bowl Leisure Mall Taman Pelangi
- KL Branch: Endah Parade, Kuala Lumpur
- Kuching Branch: Megalane Emart
- Kuantan Branch: Kuantan Megamall

Suasana penuh keceriaan ketika pengajian pertandingan Bowling oleh HR dan staff bersama-sama meraikan semangat persaudaraan melalui sukan riadah yang menyeronokkan ini. Lebih daripada sekadar pertandingan Bowling, program ini turut diwujudkan dengan matlamat besar untuk merapatkan hubungan diantara sesama staff. Sorakan riuh rendah dan gelak tawa penuh keriangan menjadikan aura menyeronokkan dan menghiburkan.

